



Headline: Dua mangsa penipuan rugi RM19,380
Publication/Portal: Utusan Malaysia
Date: 9 August 2019

Language: Malay
Section: Dalam Negeri
Page: 46

2 mangsa penipuan rugi RM19,380

KEPALA BATAS 8 Ogos - Dua lagi individu di negeri ini menjadi mangsa penipuan sindiket *Macau Scam* dan pinjaman tidak wujud memabatkan kerugian sebanyak RM19,380 semalam.

Ketua Polis Daerah Seberang Perai Utara (SPU), Asisten Komisioner Noorzainy Mohd. Noor berkata, mangsa pertama iaitu seorang suri rumah berusia 47 tahun kerugian RM15,000 selepas ditipu sindiket *Macau Scam*.

Menurutnya, mangsa pada mulanya dihubungi individu yang mendakwa namanya digunakan untuk mendaftar bagi talian telefon sebelum disambungkan kepada pejabat polis di Kuala Lumpur untuk membuat laporan secara *online*.

Bagaimanapun, katanya, ketika semakan ke atas nombor pengenalan mangsa dibuat, dia didakwa kononnya terlibat dalam kes berkaitan dadah dan pengubahan wang haram.

Menurutnya, mangsa kemudiannya diminta memasukkan wang ke dalam sebuah akaun bagi tujuan siasatan dan disebabkan takut telah mengikuti arahan itu dengan memindahkan RM15,000 dalam satu transaksi ke dalam akaun bank yang diberikan suspek.

"Mangsa kemudiannya

menyedari menjadi mangsa *Macau Scam* selepas menceritakan perkara tersebut kepada ahli keluarganya sebelum membuat laporan polis," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini hari ini.



NOORZAINY MOHD. NOOR

Sementara itu, dalam kejadian kedua pula, Noorzainy memberitahu, seorang peniaga berusia 32 tahun kerugian RM4,380 selepas ditipu sindiket yang menawarkan pinjaman tidak wujud menerusi Facebook.

Menurutnya, mangsa pada mulanya berhasrat membuat pinjaman sebanyak RM30,000 dan meninggalkan nombor telefon pada iklan pinjaman peribadi yang dilihatnya di Facebook.

Katanya, mangsa dihubungi ejen pinjaman itu dan selepas dimaklumkan tidak perlu membayar apa-apa untuk mendapatkan pinjaman, mangsa kemudiannya bersetuju meskipun pada mulanya keberatan.

"Bagaimanapun, mangsa diminta membuat pelbagai pembayaran bagi kelulusan pinjaman serta memindahkannya kepada dua akaun berbeza diberikan suspek sebelum menyedari telah teripu dan membuat laporan polis," katanya.

Noorzainy berkata, kedua-dua kes itu kini disiasat di bawah Seksyen 420 Kanun Keseksaan kerana menipu.